

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN SEMPENA
MALAM LAMBAIAN MUHIBBAH KUKUM-KUITTHO DI HOTEL PUTRA
PALACE, KANGAR PADA 14 MEI 2004.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM.

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.**

**YANG BERBAHAGIA,
PROFESOR DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI BAKAR,
REKTOR KUITTHO**

**YANG BERBAHAGIA,
PROFESOR MADYA IR. HAJI AZIZAN ABD. AZIZ,
PENGARAH PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTABINA
KUITTHO**

**YANG BERBAHAGIA,
PROFESOR MADYA DR. HAJI SULAIMAN HAJI HASSAN
PENGARAH PERHUBUNGAN ANTARABANGSA DAN KORPORAT KUITTHO**

**YANG BERBAHAGIA,
PROFESOR DR. ALI YEON MD. SHAKAFF,
TIMBALAN REKTOR KUKUM,**

YANG DIHORMATI KETUA-KETUA JABATAN,

YANG DIHORMATI DEKAN-DEKAN PUSAT PENGAJIAN,

YANG DIHORMATI WARGA KERJA KUITTHO DAN KUKUM SEKALIAN.

**1. SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANA WA TAALA KERANA
DENGAN IZIN DAN LIMPAN KURNIA NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA
BERKAMPUNG DAN BERAMAH MESRA DI MALAM YANG CUKUP INDAH
INI MERAYAI KEDATANGAN TETAMU-TETAMU KITA DARI KOLEJ
UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO) BATU PAHAT
SEMPENA LAWATAN DAN KUNJUNGAN MUHIBBAH MEREKA KE BUMI
INDERA KAYANGAN INI.**

**PAKAT-PAKAT MAI PERLIS KAMI ALUKAN
LAKSA DAN IKAN BAKAR JADI KEGEMARAN
SELAMAT DATANG KE KUKUM KAMI PERSILAKAN
ANDAI TERKURANG HARAP MAAFKAN**

2. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA SELURUH AHLI JAWATANKUASA MAKAN MALAM LAMBAIAN MUHIBBAH KUKUM-KUITTHO ATAS SEGALA PERSIAPAN DAN KELANCARAN MAJLIS PADA MALAM INI. INISIATIF DAN KERJA KERAS ANDA SEMUA AMAT SAYA HARGAI. WALAUPUN KITA BARU SAHAJA SELESAI DENGAN SATU LAGI MAJLIS PADA HARI SELASA YANG LEPAS BERSEMPENA DENGAN PERASMIAN PUSAT PENGAJIAN KUKUM DI JEJAWI OLEH YAB DATO' SERI SHAHIDAN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS.

3. SAYA BAGI PIHAK SELURUH WARGA KERJA KUKUM AMAT BERBESAR HATI MENERIMA KEHADIRAN ROMBONGAN PROFESOR DR. HAJI ISMAIL DAN SELURUH WARGA KERJA KUITTHO KE PERLIS DALAM LAWATAN MUHIBBAH INI. KECIL TAPAK TANGAN NYIRU KAMI TADAHKAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA MULIAKAN

4. KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA ATAU KUKUM DITUBUHKAN SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) YANG KE 17 SETELAH DILULUSKAN OLEH KABINET PADA 25 JULAI 2001. PENUBUHAN KUKUM BERTUJUAN UNTUK MELAHIRKAN JURUTERA BERKEMAHIRAN TINGGI BAGI MEMENUHI DAN MENYOKONG PELAN PERINDUSTRIAN NEGARA, SELAIN MEMBERI ALTERNATIF KEPADA PELAJAR YANG CENDERUNG KEPADA PEMBELAJARAN SECARA PRAKTIS.

5. AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM, PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENGAMBILAN STAF BERMULA SELEPAS PERLANTIKAN REKTOR DAN TIMBALAN REKTOR PADA 16 FEBRUARI 2002. PADA 2 MEI 2002 KUKUM MULA BEROPERASI DI KAMPUS SEMENTARA DI KUBANG GAJAH, ARAU, PERLIS DAN TELAH MENERIMA PELAJAR SULUNG BAGI SESI AKADEMIK 2002/2003 SERAMAI 116 ORANG PADA 20 JUN 2002. BAGI SESI AKADEMIK 2003/2004, KUKUM MENERIMA PELAJAR SERAMAI 660 ORANG.

6. PEMBELAJARAN YANG DILAKSANAKAN ADALAH SECARA 'HANDS-ON' BAGI MENGHASILKAN JURUTERA YANG BERKEBOLEHAN DALAM MEREKABENTUK, MEMBUAT PERALATAN, MENGUJI DAN MENYELENGGARA SERTA MENGAPLIKASIKAN SEBARANG KONSEP TEORI. PROGRAM AKADEMIK KUKUM ADALAH BERASASKAN 60% PRAKTIKAL DAN 40% TEORI.

7. MEMANDANGKAN KAMPUS TETAP DI PAUH DAN SUNGAI CHUCHUH HANYA AKAN SIAP PADA TAHUN 2007, KUKUM TERPAKSA MENUMPANG DAN MENYEWA BEBERAPA BUAH BANGUNAN DI SEKITAR PERLIS. SEBAGAI CONTOH JABATAN CANSITORI, JABATAN PENDAFTAR, JABATAN BENDAHARI, PERPUSTAKAAN, JABATAN PEMBANGUNAN, JABATAN KESELAMATAN DAN DEWAN KULIAH BEROPERASI DI BANGUNAN KWSP, KANGAR.

8. DI KUBANG GAJAH PULA IA TELAH DIJADIKAN SEBAGAI PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR, DEWAN KULIAH DAN MAKMAL. MANAKALA DI TAMAN AMAN, BINTONG PULA TELAH DIJADIKAN SEBAGAI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR.

9. BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN LOGISTIK YANG LEBIH BESAR, KUKUM JUGA BEROPERASI DI KUALA PERLIS SEPERTI MENEMPATKAN PARA PELAJAR DI KAMPUNG WAI UNTUK KOLEJ KEDIAMAN, PUSAT KEJURUTERAAN, PUSAT KERJASAMA INDUSTRI, BILIK BERSIH (CLEAN ROOM), MAKMAL DAN KULIAH.

10. KUNJUNGAN MUHIBBAH SEBEGINI TERUTAMA DARI SEBUAH IPTA YANG TERLEBIH DAHULU MELAKAR CATAN WARNA PENDIDIKAN TINGGI DI NEGARA MALAYSIA YANG TERCINTA AMAT BESAR ERTINYA BAGI KAMI DI KUKUM INI. BAK SEPERTI KATA BAIT-BAIT PANTUN INI:

**BUAH CEMPEDAK DI LUAR PAGAR
AMBIL GALAH TOLONG JOLOKKAN
KAMI UNIVERSITI BARU BELAJAR
KALAU SALAH SILA AJARKAN.**

11. SAYA AMAT BERHARAP KUNJUNGAN MUHIBBAH BEGINI DAPAT DIJADIKAN SEBAGAI TITIK TOLAK HUBUNGAN DUA HALA ANTARA DUA BUAH UNIVERSITI. WALAUPUN SATU JAUH NUN DI UTARA DAN SATU

LAGI DI SELATAN TANAH AIR, IA BUKAN HALANGAN BUAT KITA BEKERJASAMA DEMI MEMARTABATKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM NEGARA. MARI LAH SAMA-SAMA KITA MENJADI MASYARAKAT YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG SEPerti MANA YANG TELAH DISARANKAN OLEH PIMPINAN PERDANA MENTERI KITA.

12. SAYA MELIHAT ANDAI PERTEMBUNGAN IDEA SERTA BUAH FIKIRAN DI ANTARA DUA BUAH UNIVERSITI INI BERLAKU, KESANNYA AMAT POSITIF. TERKADANG SESUATU PERKARA TIDAK TERFIKIR OLEH KITA WALAUPUN IA BEGITU ZAHIR FIZIKALNYA. MELIHAT DARI PERSPEKTIF YANG BERBEZA BAGI SEBARANG PERMASALAHAN MENANDAKAN KITA BUKAN MASYARAKAT ILMUWAN YANG JUMUD DAN BUKAN JUGA MASYARAKAT ILMUWAN YANG HANYA BERWAHAM PADA SATU TEORITIKAL YANG TELAH LAPUK. JUSTERU ITU TERCETUS SATU POLA PEMIKIRAN BARU YANG PASTI AKAN MENCETUSKAN INOVASI DAN KREATIVITI YANG DAPAT DIANGKAT MENJADI BUDAYA TEKNOLOGI BARU.

13. HAL SEBEGINI BAGI SAYA AKAN DAPAT TERCAPAI JIKA KUKUM DAN KUITTHO SALING BANTU MEMBANTU DAN TOLONG MENOLONG BAIK DALAM PEMBELAJARAN MAHUPUN PENYELIDIKAN. SAYA AMAT BERHARAP PENSYARAH-PENSYARAH YANG ADA PADA MALAM INI BOLEH BEKERJASAMA DALAM APA JUA PENYELIDIKAN WALAU IA BERMULA DARI SECARIK BENANG IDEA. INGAT KATA BIDALAN SECARIK BENANG LAMA-LAMA SELEMBAR KAIN.

14. KITA HARUS MENGANGKAT TAMADUN KITA MENJADI TERBILANG AGAR SUATU HARI NANTI DUNIA LUAR AKAN MULA TAHU DAN SEDAR BAHAWA YANG BERKULIT SAWO MATANG DAN BERAMBUK IKAL MAYANG JUGA RUPA-RUPANYA MAMPU MENEGAR DUNIA DENGAN CIPTAAN TEKNOLOGI. BUKAN LAGI SEKADAR CERITA LAGENDA ATAU HIKAYAT DONGENGAN KARANGAN TUN SRI LANANG YANG SARAT DENGAN IMPROVISASI.

15. DALAM BIDANG PENTADBIRAN PULA SAYA AMAT BERHARAP WARGA KERJA KUKUM DAPAT MENIMBA ILMU SEBANYAK MUNGKIN DARI WARGA KERJA KUITTHO YANG CUKUP BERPENGALAMAN. JANGAN MALU BERTANYA KERANA KELAK TERSEKAT JALAN. DENAI-DENAI KEJAYAAN TELAH MEREKA GAPAI TERLEBIH DAHULU DAN TIDAK SALAH KITA YANG MASIH BARU INI BERTANYA JIKA KURANG ARIF. INGATLAH ILMU YANG BAIK ITU BUKAN SAHAJA MENDAPAT GANJARAN PAHALA YANG BESAR TETAPI FAEDAHNYA KEPADA

MANUSIA MELANGKAU GENERASI AKAN DATANG YANG TIDAK KETAHUAN NOKTAHNYA.

16. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA MALAM INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA WARGA KUITTHO KE NEGERI PERMAI LAGI MEMPERSONA INI. SAYA MEMOHON MAAF JIKA TERDAPAT SEBARANG KESULITAN SEMASA KEHADIRAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEPANJANG BERADA DI SINI. DENGAN ITU SAYA SUDAH DENGAN UCAPAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKTUH.